

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan yang berikut:

PEGAWAI PENERANGAN GRED S9

Klasifikasi Perkhidmatan	:	Sosial
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Gred Jawatan	:	S9
Taraf Pelantikan	:	(i) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (Interim) selama 3 tahun; dan (ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap.
Jadual Gaji (Min - Mak)	:	RM2,250.00 – RM11,110.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM225.00
Kekosongan	:	1 jawatan

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan—
 - (a) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (b)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,250.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00); atau
 - (iii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Komunikasi Massa yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00); atau
 - (iv) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Sains Kemasyarakatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penerangan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penerangan Gred S9 apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan di peringkat 1 (b) atau lulus Peperiksaan Khas.

DISKRIPSI TUGAS

- Sebagai *Focal Point* jabatan dalam penyampaian dan penyaluran maklumat diperingkat kementerian, nasional dan antarabangsa.
- Selain itu, bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas penyelarasan majlis/program/aktiviti secara kerjasama strategik dengan lain-lain kementerian dan agensi, program perhubungan awam kerajaan dan pengurusan lawatan/acara rasmi jabatan.
- Melaksana dan memantau pengurusan aduan, pengurusan media jabatan dan penyediaan maklumbalas di media cetak dan pemantauan berita-berita di media massa, media elektronik dan media sosial termasuk menyelaras pertanyaan dan khidmat pelanggan.
- Merancang dan membangunkan kandungan kreatif untuk penerbitan konvensional dan digital.
- Membina hubungan bersama pihak media dan *influencer* media.